

SEKILAS-INFO

Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti dan Risiko

No. e-ISSN: 2948-5088

Pengumuman: QS Asia University Ranking 2024


London - QS Quacquarelli Symonds, badan penarafan pendidikan tinggi global telah mengeluarkan edisi Asia 2024 QS World University Rankings pada 8 November 2023. Edisi ini merupakan yang terbesar setakat ini dengan 856 institusi tersenarai dengan 148 institusi baru tersenarai untuk pertama kalinya melibatkan 25 negara dan wilayah di mana India merupakan institut pendidikan tinggi yang paling banyak tersenarai dengan 148 universiti terbaik ikuti oleh China dengan 133 institusi dan Jepun dengan 96 institusi.

Pada edisi kali ini, UNIMAS telah berjaya meningkatkan kedudukan daripada kedudukan 271+ pada tahun sebelum ini kepada 261-270 terbaik di Asia dan kedudukan 57 terbaik di Asia Tenggara. Edisi kali ini juga menggunakan metodologi penilaian yang telah ditambahbaik

sempena edisi ke-20 QS World University Ranking dengan memperkenalkan tiga metrik baharu: *Sustainability*, *Employment Outcomes* dan *International Research Network* serta menentukur semua wajaran metrik sedia ada.

QS World University Ranking 2024 – Our New Methodology

- Sustainability added at 5%
- IRN added at 5%
- Employment Outcomes added at 5%
- Faculty Student Ratio reduced by 10%
- Academic Reputation reduced by 10%
- Employer Reputation increased by 5%



Sorotan Penglibatan Staf SQRC Sempena Majlis Konvokesyen Ke-27 Universiti Malaysia Sarawak, 6-9 November 2023

Kota Samarahan- Seramai 3,897 graduan memperoleh ijazah masing-masing dalam pelbagai peringkat pengajian dari Ijazah Doktor Falsafah, Ijazah Sarjana dan Ijazah Sarjana Muda dalam majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Ke-27 yang berlangsung pada 6 hingga 9 November 2023.



Staf SQRC tidak ketinggal-



lan menyumbang tenaga bagi meriahkan majlis menerusi beberapa Jawatankuasa Pelaksana Majlis Konvokesyen.



Mesyuarat Jawatankuasa Strategi dan Kualiti (JSKU) Bil.04/2023 ke-29

Kota Samarahan- Mesyuarat Jawatankuasa Strategi dan Kualiti Bil.04/2023 ke-29 telah diadakan pada 30 November 2023 dan ini merupakan mesyuarat JSKU terakhir pada tahun 2023 di mana antara agenda yang berlaku adalah meluluskan semakan semula Petunjuk Prestasi (KPI) yang baharu agar ianya bersesuaian dengan kehendak semasa. Semakan ini penting dalam memastikan halatuju Universiti adalah selari dengan apa yang di rancang untuk dicapai oleh Universiti terutamanya di peringkat Kementerian Pengajian Tinggi. Antaranya yang mula diperlihatkan adalah melibatkan penawaran potensi gaji premium RM4,000 kepada graduan baharu lepasan institusi pengajian tinggi (IPT) di mana pihak Kerajaan sedang bekerjasama dengan beberapa industri utama negara untuk cadangan ini.



Perbincangan Modul Data Institusi Bersama TahoDC

Kota Samarahan- Bahagian Aplikasi Strategik (BAS), TahoDC dan SQRC telah membangunkan Modul Data Institusi baharu dengan menggunakan Aplikasi ReKA. Satu sesi taklimat dan demo bagi modul yang telah dibangunkan telah diadakan pada 22 November 2023 yang diketuai oleh Cik Hjh Majina Sulaiman. Sesi tersebut juga bertujuan untuk menetapkan pengguna sistem bagi menambahbaik kaedah pengumpulan dan penghantaran data sedia ada menggunakan API ke server MyMoheS, KPT.

Modul Data Institusi boleh dikemaskini sepanjang masa tertakluk dengan perubahan maklumat yang berlaku. Maklumat ini penting sebagai rujukan pihak



**Selamat Ulang Tahun
Kelahiran**



Kalendar Aktiviti bagi November 2023

Bil	Perkara	Tarikh
1.	Perbincangan Berhubung Pelaksanaan Borang Deklarasi Pelajar Universiti Awam Bersama Pejabat Undang-Undang UNIMAS	3 November 2023
2.	Pengumuman: QS Asia University Ranking 2024	8 November 2023
3.	Penghantaran Data THE Impact Ranking 2024	10 November 2023
4.	Perbincangan Modul Data Institusi Bersama TAHODC	22 November 2023
5.	Mesyuarat JSKU Bil.04/2023 ke-29	30 November 2023

PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

PENGARAH | PROF GS DR TARMIJI MASRON | TIMBALAN PENGARAH | PROF MADYA DR LEE NIUNG KION | PENOLONG PENDAFTAR KANAN | DAYANG MAZINA AWANG BATU | DAYANG ZULIANA ABANG ABD RAHMAN | PENOLONG PEGAWAI TADBIR KANAN | ADELINE ANN LUBI | PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT KANAN | MOHD HAIRULNIZAM MOHD ZAMRI | PENOLONG PEGAWAI TADBIR | SALMIAH NAHRAWI | SETIUSAHA PEJABAT | NUR AISHAH JORI | PEMBANTU TADBIR KANAN | NORISA MOHAMAD SAHARI | PEMBANTU TADBIR | SITI AFIZAH JAMIL | MOHD HAFIZUDDIN SULAIMAN | PEMBANTU OPERASI | ROZAIMI ANIS